

Akademika 89(Isu Khas/Special Issue), 2019: 125-137

<https://doi.org/10.17576/akad-2019-89SI-11>

Variasi Leksikal Ganti Nama Diri dalam Varian Ulu Berang

The Use of Lexical Personal Pronouns in Ulu Berang Subdialect

SHAHIDI A.H., MOHAMAD FIRDAUS AZAHARUDDIN & RAHIM AMAN

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk mengkaji tentang keistimewaan leksikal ganti nama diri yang wujud dalam subdialek Ulu Berang. Subdialek Ulu Berang adalah salah satu bentuk pertuturan yang dituturkan oleh orang Melayu Terengganu di kampung Payang Kayu dan Baong. Subdialek ini kurang dikenali umum kerana subdialek ini dituturkan di pedalaman hulu mukim Kuala Berang, Hulu Terengganu dan dipercayai terdapatnya beberapa leksikal yang unik diguna pakai oleh penutur subdialek tersebut. Selain itu keunikan leksikal dalam subdialek ini jelas berbeza dengan varian dialek Melayu Terengganu (DMT) atau dialek-dialek Melayu Semenanjung yang lain. Kajian ini memanfaatkan reka bentuk kualitatif iaitu kaedah lapangan dan temu bual informan untuk mendapatkan data-data leksikal ganti nama diri. Kajian ini memfokuskan tiga tahap perbincangan mengenai penggunaan leksikal ganti nama diri yang terdapat dalam subdialek Ulu Berang iaitu Kata Ganti Nama Diri Pertama (KGND1), Kata Ganti Nama Diri Kedua (KGND2) dan Kata Ganti Nama Diri Ketiga (KGND3). Secara ringkasnya, kajian ini mendapati bahawa terdapat sebanyak tujuh leksikal KGND yang digunakan dalam subdialek Ulu Berang ini iaitu [akəʔ] [sajɛ] dan [kite] (KGND1), [məŋ] dan [mumi] (KGND2), [dije] dan [dimi] (KGND3). Leksikal [akəʔ] dianggap mempunyai hubungan yang selesa dan akrab sesama mereka. Ia sering digunakan untuk merujuk seseorang individu berbanding [sajɛ]. Leksikal [kite] yang merujuk kepada penanda jamak pula sering digunakan dalam setiap perbualan mereka. Penggunaan KGND2 [məŋ] merujuk kepada maksud kamu atau mu. Manakala [mumi] merujuk lebih dari seorang iaitu kamu semua. Leksikal [dije] digunakan untuk merujuk orang ketiga secara individu manakala leksikal [dimi] dituju kepada orang ketiga secara jamak atau lebih dari seorang individu itu. Kajian ini memberi implikasi penting terhadap bidang pengkajian dialektologi Melayu dan bidang pendokumentasian dialek Melayu. Selain bertujuan memperlihatkan variasi leksikal KGND, kajian ini juga cuba memastikan agar pengetahuan mengenai leksikal dalam subdialek ini akan terus dipelihara, dilindungi dan dikenali oleh generasi yang akan datang.

Kata kunci: Subdialek Ulu Berang; variasi leksikal; Kata Ganti Nama Diri; subdialek Kuala Terengganu, Dialektologi Melayu

ABSTRACT

This paper aims to examine the lexical privileges of the personal pronouns that exist in the Ulu Berang subdialect. This subdialect is a form of speech spoken by Terengganu Malays in Payang Kayu and Baong village. This subdialect is less familiar because it is used deep in the upstream interior of the Kuala Berang area of Hulu Terengganu district and is believed to have some unique lexicals used by subdialect speakers. Besides that the lexical distinctions of this subdialect is clearly different from the variant of Terengganu Malay dialect (DMT) or other Malay dialects in Peninsular. This study utilizes qualitative designs that are interviews and fieldwork methods for obtaining lexical data. This study focuses on three levels of discussion on the use of personal pronouns lexicals in Ulu Berang subdialect i.e. first personal pronouns (KGND1), second personal pronouns (KGND2) and third personal pronouns (KGND3). Lexical [akəʔ] is deemed comfortable and familiar relationship between them. It is often used to refer to an individual as compared to [sajɛ]. Lexical [kite] referring to the plural marker in turn often used of all of their conversations. The use of KGND2 [məŋ] refers to the purpose of 'you' whereas [mumi] refers more than one, i.e. 'all of you'. Lexical [dije] is used to refer to the third person individually while [dimi] refers to the third person plural or more than just an individual person. This study provides important implications to the study of Malay dialectology and documenting Malay dialects. In addition to aiming at emphasizing variations on KGND, this study is also

trying to ensure that knowledge about the lexical in Ulu Berang subdialect shall continue to be preserved, protected and known by generations to come.

Keywords: Ulu Berang subdialect; lexical variation; personal pronouns; Kuala Terengganu subdialect, Malay dialectology

PENGENALAN

Di Malaysia terdapat pelbagai variasi dialek Melayu. Di semenanjung Malaysia sahaja terdapat lebih daripada lima jenis dialek utama yang antara lainnya merangkumi dialek Melayu Kedah, Perak, Selangor, N. Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan, dan Terengganu. Kesemua dialek Melayu yang dinyatakan ini mempunyai ciri-ciri khas linguistik tersendiri yang mana ciri-ciri linguistik yang boleh didapati dalam setiap dialek itu memberikan perbezaan dengan dialek Melayu yang lain. Hal yang berbeza itu adalah melibatkan ciri-ciri fonologi, morfologi, sintaksis dan leksikal dalam sesuatu dialek tersebut. Walau bagaimanapun, antara dialek-dialek Melayu yang menarik perhatian pengkaji untuk ditelusuri aspek leksikalnya adalah dialek Melayu Terengganu.

Varian Ulu Berang merujuk kepada satu bentuk pertuturan yang dituturkan oleh orang Melayu di kampung Payang Kayu dan Baong dalam negeri Terengganu. Berdasarkan perspektif kedudukan geografi, negeri Terengganu merupakan sebuah negeri yang besar dan mempunyai kepelbagaian bentuk muka bumi seperti jaringan sungai dan perbukitan. Hakikat ini menjadi penyumbang utama kepada faktor kewujudan variasi dialek yang dituturkan oleh masyarakat di negeri berkenaan. Selain perspektif geografi, perspektif sejarah juga turut memberikan peranan penting kepada kajian dialek di negeri Terengganu. Dari segi persejarahan dan arkeologi, Terengganu terkenal dengan penemuan barangan artifak di zaman purba iaitu zaman Neolitik (Zaman Batu Akhir) di Ulu Terengganu dan penemuan dua buah gendang gangsa zaman Dong Son di Batu Buruk Kuala Terengganu (Muhammad Salleh, 1978). Selain itu, penemuan batu bersurat Terengganu yang dikatakan ditemui di hulu Sungai Terengganu seperti di Panchor sememangnya terbukti dengan kewujudan aksara Jawi yang dicatatkan pada batu tersebut. Kewujudan aksara Jawi yang wujud berkurun lamanya, lantas telah menarik minat sarjana-sarjana pengkaji dalam dan luar Malaysia untuk mentafsirnya.

SOROTAN KOSA ILMU

KAJIAN LEPAS BERKAITAN DIALEK TERENGGANU

Pemerian variasi dialek yang terdapat dalam bahasa Melayu khususnya Dialek Terengganu pernah dibuat oleh pengkaji barat misalnya Brown (1935). Antara ahli-ahli linguistik kolonial yang terlibat dalam bidang pengkajian dialek di Terengganu ialah Hervey (1881), Sturrock (1912), Mckerron (1931) dan Brown (1935). Kesemua ahli linguistik asing ini membicarakan pelbagai aspek kebahasaan yang terdapat dalam DMT misalnya dari aspek fonologi, morfologi, leksikal dan sintaksis.

Kajian terawal yang membicarakan tentang keberadaan dialek Terengganu di Semenanjung dapat dikenal pasti menerusi penulisan makalah yang berjudul *'The Endau and its Tributaries'*. Makalah ini dihasilkan oleh pengkaji linguistik asing yang bernama Hervey D. F. A. pada tahun 1881. Sekilas pandangan pengkaji makalah ini adalah berupa catatan yang dihasilkan bagi menggambarkan bentuk-bentuk pertuturan Sembrong yang dituturkan oleh masyarakat asli di pedalaman Pahang. Walaupun demikian, kajian berkenaan menceritakan tentang keadaan geografi di sungai Endau berserta anak sungainya, Hervey (1881) juga turut membincangkan secara ringkas mengenai perbandingan bentuk pertuturan *'speech'* sebagaimana yang dituturkan dari Terengganu, Kelantan, Johor dan Pahang. Hervey (1881) mengatakan:

The Pahang men, as is natural, approximate most nearly in speech to the Johor dialect, but I noticed different such as "sungal" for "sungei," &c. The Trënggânû men have a sharp, narrow accent and a way of shortening off their words at the end, such as "sampa" for "sampei;" they have also a nasal ending as "tûain" ("ain" as in French "bain") for "tûan." The Johor men were constantly laughing at the others for their outlandish accent, but, as they said, what else could be expected from órang bârat – those western folk.

Berdasarkan petikan di atas jelas bahawa pertuturan dialek terutamanya dialek yang dituturkan oleh orang-orang Terengganu mempunyai kelainan tersendiri jika dibandingkan dengan dialek-dialek

Melayu di Semenanjung yang lain. Bagaimanapun usaha beliau membincangkan tentang keberadaan dialek di Semenanjung ketika itu adalah satu sumbangan besar terhadap asas permulaan, pembinaan dan perkembangan bidang kajian dialek di Malaysia khususnya di negeri-negeri Semenanjung Malaysia.

Pada abad ke-20, pengkaji telah menemukan satu lagi makalah yang bertajuk '*Some notes on the Kelantan Dialect, and some comparisons with the Dialects of Perak and Central Pahang*' dan kajian ini dihasilkan oleh Sturrock A. J. pada tahun 1912. Kajian ini sangat menarik perhatian pengkaji kerana kajian ini menunjukkan perkembangan kajian awal tentang kewujudan dialek Melayu pada masa itu. Sturrock (1912) menjalankan kajiannya ke atas beberapa nota dialek Kelantan dan beberapa perbandingan dengan dialek Perak dan Pahang. Menerusi inti pati makalah ini mendapati beliau cuba untuk mengkaji tentang variasi dan perbezaan dialek yang ditemui dalam dialek Kelantan, Perak dan Pahang sama ada dari aspek perbendaharaan kata, sebutan dan kata laluan frasa '*distinct usages of word and phase*'. Walaupun kajian ini memfokuskan tiga jenis dialek iaitu dialek Kelantan, Perak dan Pahang, setidak-tidaknya kajian ini memberikan input kepada pengkaji tentang kelainan bentuk pertuturan dialek Kelantan dan Pahang yang mana merupakan negeri yang bersempadan dengan negeri Terengganu.

Kajian Mckerron (1931) yang bertajuk '*A Trengganu Vocabulary*' telah membuktikan satu lagi kajian yang membicarakan tentang keistimewaan dialek Terengganu dari aspek perbendaharaan kata. Kajian ini terdiri daripada dua bahagian perbincangan. Bahagian pertama adalah mengenai perbendaharaan kata yang selama ini tidak dijumpai dalam Kamus Melayu Wilkinson atau yang lain digunakan di Terengganu dengan makna yang berlawanan makna dan yang diberikan dalam ketetapan. Difahami bahawa perkataan yang dikumpulkan di daerah Besut, di mana penduduknya bercakap hampir dengan dialek Kelantan tulen. Bahagian kedua pula adalah perbendaharaan kata yang terdiri daripada kata-kata yang biasa digunakan dalam surat menyurat bagi situasi rasmi di Terengganu dan pengetahuan tentang hal ini menjadi sangat berguna kepada pegawai pemerintah yang mengambil alih janji temu untuk pertama kali. Mckerron (1931) juga mengatakan sebahagian besar pertuturan mereka adalah terdiri daripada kata-kata tulen Arab yang digunakan secara amnya

tetapi diperhatikan banyak daripada mereka yang telah mempunyai erti khusus. Oleh itu kajian ini merupakan kajian ringkas yang membicarakan secara khusus mengenai perbendaharaan kata dalam dialek Terengganu.

Perkembangan bidang pengkajian dialek Melayu khususnya Dialek Melayu Terengganu (DMT) turut dilakukan oleh Brown (1935) menerusi artikelnya yang bertajuk '*Terengganu Malay*'. Pada bahagian awal kajian ini Brown (1935) membincangkan tentang ciri-ciri umum dialek Terengganu yang mana dikatakan mempunyai perbezaan pertuturan dialek dalam kawasan-kawasan yang ditinjau. Brown (1935) menyatakan:

The specimens of Ulu Trengganu speech which are given at p. 86 reveal a striking dissimilarity, not only in pronunciation but also in diction, to the other specimens given in this book: and in Besut district the language heard is often that of Kelantan pure and simple. But the fact that two of leading Malays of Kuala Besut, who were born there and are rapidly qualifying for the "oldest inhabitant" category, speak the language of Kuala Trengganu with little or no trace of Kelantan influence suggests the inference that the true Trengganu dialect is that which illustrated in all the dialogues...

Hakikatnya, kajian Brown (1935) penuh dengan catatan yang berupa dialog pertuturan masyarakat yang menuturkan dialek Terengganu. Terdapat pelbagai kata dan ciri sebutan yang dikenal pasti mempunyai ciri khas tersendiri menerusi catatan dialog berkenaan. Beliau mencatatkan beberapa kata unik yang dimiliki dalam dialek Terengganu misalnya *mu* untuk kata ganti nama diri kedua dan *mu-ma* untuk kata ganti nama jamak kedua. Bagi kata ganti nama diri pertama pula kajian Brown (1935) menunjukkan bahawa orang-orang Terengganu menyebutnya sebagai *saya*, *amba* dan *aku*. Manakala kata *dia* wujud apabila disebut untuk orang ketiga berstatus jamak iaitu *dia orang* dan *dema*. Kajian Brown (1935) juga membincangkan tentang persamaan dan perbezaan dialek Terengganu dengan Kelantan. Persamaan kedua-dua dialek ini dapat ditemui dalam kata seperti *buleh* (*běruleh*), *hak*, *gegir*, *gak* (Kelantan *gat*). Sementara itu tidak semua kata wujud dalam dialek Terengganu. Menurut Brown (1935) tidak semua dialek Kelantan digunakan dalam dialek Terengganu, misalnya kata *balas* yang membawa maksud sama dengan *macham* (*balas mana = macham mana, balas itu*): *kělek = balek*, *měgapa = moga apa*, *tak sir = tidak hěndak* atau *ta'amboh* (*tidak ěmboh*) dalam dialek Terengganu. Kajian ini juga menarik kerana

menyediakan senarai kata dan disertakan pula dengan contoh dialog pertuturan orang Terengganu.

Kajian arkeologi di Terengganu pula antara lain berhasil menjumpai barang-barang kegunaan harian manusia proto di Gua Bewah dan Taat sekitar Lembangan Sungai Terengganu dan Tasik Kenyir. Penemuan itu telah menzahirkan kemungkinan bahawa lembangan sungai adalah petempatan tamadun awal manusia. Dengan kata lain, daerah yang merangkumi lembangan sungai sangat signifikan untuk diberi perhatian oleh para pengkaji yang mahu menyelongkar akar atau jati diri budaya penduduk tempatan. Justeru, Lembangan Sungai Terengganu menjadi fokus kajian ini. Meskipun ada kajian yang khusus menyentuh varian-varian dialek di Terengganu (misalnya, Asmah 1976, Collins 1983, A. Hamid Mahmood 1990, Noor Rohana et al. 2013, Nur Adibah & Sharifah Raihan 2017) namun kajian-kajian tersebut tidak berfokuskan data lembangan sungai.

Menurut Abdul Halim Nasir (2005), aliran di Lembangan Sungai Terengganu (LST) mengalir dari hulu ke hilir sungai sepanjang kira-kira 128 km. Hulunya terletak di hulu Terengganu iaitu di banjaran Gunung Timur yang menjadi sempadan antara negeri Terengganu dengan negeri Kelantan manakala hilirnya berada dalam daerah Kuala Terengganu. Penerokaan lembangan sungai ini sememangnya merupakan lambang penghubung antara dua buah daerah iaitu di hulu sungai adalah terletak di daerah Hulu Terengganu dan di hilir sungai adalah terletak di daerah Kuala Terengganu. Jadi tidak hairanlah jika lembangan sungai ini merupakan antara faktor muka bumi yang berpotensi untuk melihat kewujudan perbezaan varian Dialek Melayu Terengganu (DMT) dari aspek linguistik seperti fonologi dan leksikal.

Kajian ini memberi fokus terhadap penelitian salah satu varian DMT yang dituturkan di hulu mukim Kuala Berang (salah satu mukim yang terdapat dalam daerah Hulu Terengganu) iaitu subdialek Ulu Berang (UB). Secara umumnya penelitian subdialek ini adalah mengambil kira faktor geografi yang memberi pengaruh dan perubahan kepada bentuk pertuturan yang dituturkan oleh orang Melayu di kampung Payang Kayu dan Baong. Faktor geografi yang dimaksudkan itu ialah kedudukan kampung yang tidak begitu jauh dengan Lembangan Sungai Terengganu dan berhampiran dengan Tasik Kenyir di sebelah barat kampung-kampung tersebut.

Selain itu, mukim Kuala Berang amat terkenal dari segi sejarahnya. Menurut Abdul Halim Nasir

(2005) di tebing Sungai Tersat, Kuala Brang terdapat batu bersurat yang menentukan tarikh awal agama Islam datang ke Malaysia, yang bertarikh pada tahun 903 Hijrah (1303 Masihi). Dari segi ekonomi pula kebanyakan masyarakat di Kuala Berang menjalankan aktiviti pertanian, perikanan, peruncitan, penternakan dan ada yang bekerja dalam sektor kerajaan mahupun swasta. Selain daripada keunikan latar sejarah dan ekonomi, di mukim Kuala Berang terdapat sebuah bandar yang dikenali sebagai bandar Kuala Berang. Bandar ini adalah pusat pentadbiran bagi daerah Hulu Terengganu. Dengan itu kewujudan bandar ini ternyata memberi kesan terhadap kepesatan aktiviti sosial dan interaksi sosial masyarakat yang berlaku di seluruh daerah Hulu Terengganu.

Kuala Berang bukan sahaja terkenal dari segi sejarah, ekonomi dan masyarakat. Malah Kuala Berang mempunyai banyak varian DMT yang tidak sukar untuk dikenal pasti. Dialek Melayu Terengganu merupakan bentuk pertuturan standard dan dipercayai dituturkan secara majoriti oleh orang Melayu Terengganu di Kuala Terengganu. Kewujudan varian dalam dialek Terengganu sememangnya diperakui oleh ahli-ahli linguistik tempatan seperti Ismail Hussein (1973), Collins (1983) Asmah Haji Omar (1985), Abdul Hamid Mahmood (1990), Ajid Che Kob (1997), Noraien Mansor et al. (2013), Rohana Mansor et al. (2013) dan Shahidi et al. (2018). DMT telah menurunkan pelbagai subdialek atau varian dialek yang mengandungi kelainan ciri-ciri linguistik dan leksikal yang tersendiri. Di Hulu Terengganu, kosa ilmu membuktikan terdapatnya pelbagai varian DMT. Boleh dikatakan setiap kampung yang ditinjau di kawasan yang berhampiran sepanjang LST mempunyai ciri-ciri fonologi dan penggunaan leksikal yang tersendiri. Namun begitu kajian ini lebih terarah untuk mengkaji tentang keistimewaan dan keunikan yang terdapat dalam subdialek UB.

KONSEP LEKSIKAL DAN KATA GANTI NAMA

Semua bahasa dan dialek yang wujud di dunia ini mengandungi pelbagai leksikal yang istimewa. Leksikal ditakrifkan sebagai kosa kata atau perbendaharaan kata yang mempunyai makna yang tersendiri. Istilah leksikal meliputi semua bentuk yang boleh dinyatakan dari segi fonem, termasuklah bentuk yang telah mengandungi ciri-ciri tatabahasa. Sesetengah pengkaji menggunakan istilah leksikon. Istilah leksikon bermaksud sekumpulan kosa kata bagi sesuatu bahasa atau dialek, contohnya senarai

perkataan umum dalam kamus dan senarai perkataan khusus dalam glosari (Harimurti Kridalaksana 1997).

Setiap kata digolongkan dalam satu kategori. Kata ganti nama tergolong dalam frasa nama. Menurut Nik Safiah, Farid, Hashim dan Abdul Hamid (2008) frasa boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa preposisi. Frasa nama yang diwujudkan sudah tentu mengandungi unsur atau entiti yang wajib ada iaitu kata nama. Berdasarkan buku *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008) kata nama dalam Bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada tiga jenis penggolongan kata iaitu kata nama khas, kata nama am dan kata ganti nama. Ketiga-tiga penggolongan kata nama ini boleh dilihat dari segi takrifan dan makna yang agak berbeza antara satu sama lain. Bagaimanapun dalam kajian ini pengkaji lebih memfokuskan terhadap penggunaan leksikal ganti nama diri yang wujud dalam subdialek UB. Dengan kata lain, kajian ini meneliti kewujudan leksikal ganti nama diri yang sering digunakan oleh penutur subdialek UB.

Kata ganti nama menurut Asmah Haji Omar (2008) ialah kata yang menggantikan kata nama. Beliau juga mengatakan bahawa kata ini boleh dibahagikan kepada ganti nama diri, ganti nama milik, ganti nama penunjuk dan ganti nama tanya. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2008) pula merujuk kata ganti nama sebagai sesuatu kata yang menjadi pengganti kata nama khas dan kata nama am. Selain itu kata ganti nama boleh dibahagikan kepada dua golongan kecil iaitu kata ganti nama tunjuk dan kata ganti nama diri. Kata ganti nama diri terbahagi pula kepada dua kategori iaitu kata ganti nama diri tanya dan kata ganti nama diri orang. Dalam erti kata lain kata ganti nama diri orang yang merupakan topik perbincangan yang wajar diketengahkan bagi meneliti keistimewaan dan keunikan leksikal dalam subdialek tersebut.

Bahasa Melayu mempunyai tiga jenis kategori kata ganti nama diri orang. Menurut Nik Safiah, Farid, Hashim dan Abdul Hamid (2008) kata ganti nama diri orang pertama, diri orang kedua dan diri orang ketiga. Lihat contoh-contoh kata ganti nama diri orang dalam Bahasa Melayu di bawah:

JADUAL 1. Contoh-contoh Kata Ganti Nama Diri Orang dalam Bahasa Melayu

Kata Ganti Nama Diri	Contoh
Orang pertama	saya, aku, beta, patik, kami, kita
Orang kedua	anda, saudara, engkau, awak, kamu
Orang ketiga	ia, dia, beliau, mereka, -nya

Perbincangan di atas cuba menjelaskan perihal kajian lepas tentang dialek Melayu khususnya dialek Terengganu. Bahagian di atas juga telah menerangkan tentang konsep umum terhadap leksikal ganti nama bahasa Melayu, kata nama, kata ganti nama dan kata ganti nama diri orang. Berlandaskan pemahaman ini maka dalam bahagian seterusnya akan dibuat pemerian secara deskriptif berhubung leksikal ganti nama diri dalam subdialek Ulu Berang.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini salah satu aspek leksikal yang dilihat dalam subdialek UB yang sangat menarik perhatian pengkaji adalah kata ganti nama. Kata ganti nama merupakan satu penggunaan yang amat penting dalam interaksi seharian (Zulkifley & Naidatul Zamrizam 2017). Justeru kertas

kerja ini akan mempamerkan kesemua leksikal ganti nama yang jelas wujud dalam subdialek ini dan dibandingkan pula dengan subdialek Kuala Terengganu (KT) dan Bahasa Melayu standard (BMS). Perbincangan ini akan membincangkan dan menghuraikan ganti nama yang berfungsi sebagai subjek sahaja serta kedudukannya di dalam ayat. Secara ringkas, objektif kajian ini ialah:

1. Memaparkan leksikal KGND yang wujud dalam subdialek UB
2. Menghuraikan fungsi dan penggunaan leksikal KGND subdialek UB
3. Menyerlahkan keistimewaan dan keunikan KGND yang wujud dalam subdialek UB

METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang bersifat deskriptif ini dianalisis menurut perspektif analisis kualitatif dengan

memanfaatkan kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual dan rakaman yang melibatkan 10 informan yang terdiri daripada empat informan lelaki dan enam informan perempuan. Informan yang dipilih dengan menggunakan pendekatan NORM/F iaitu akronim bagi 'Non-mobile', 'Old', 'Rural' dan 'Male/Female' (Chambers & Trudgill 1998). Dalam hal ini seseorang informan yang wajar ditemu bual ialah informan yang memenuhi kriteria tidak pernah meninggalkan kawasannya, berumur lanjut atau tua, tinggal di desa dan berjantina lelaki dan wanita (lihat Shahidi et al. 2016; Mumad et al. 2017).

Informan ini merupakan penutur jati subdialek UB dari kampung Payang Kayu dan Baong yang berusia dalam lingkungan 30 hingga 70 tahun. Data yang diperolehi melalui rakaman akan ditranskripsikan menggunakan carta Abjad Fonetik Antarabangsa atau dalam bahasa Inggerisnya digelar sebagai *International Phonetic Alphabet (IPA chart)*. Kemudian dianalisis berdasarkan tiga penggunaan kata ganti nama diri (KGND) dalam pertuturan subdialek UB. Sebanyak tiga kategori yang dibincangkan dalam kajian ini iaitu kata ganti nama diri pertama (KGNDP), kata ganti nama diri kedua (KGND2) dan kata ganti nama diri ketiga (KGND3). Kesemua kategori ini dapat dikenal pasti melalui perbualan yang dirakamkan sepanjang temu bual secara langsung sedang dijalankan.

DAPATAN KAJIAN

KEWUJUDAN LEKSIKAL KGND SUBDIALEK ULU BERANG

Berasaskan maklumat perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa KGN adalah bertujuan untuk menggantikan nama seseorang atau sekumpulan

manusia. Boleh dikatakan KGN adalah kata yang berada di posisi kata nama dalam sesuatu frasa nama. Kata ganti nama diri boleh dimasukkan ke dalam sistem panggilan bersama dengan kata panggilan umum dan kata panggilan keluarga (Nor Hashimah et al. 2002). Kata ganti nama diri (KGND) dalam subdialek Ulu Berang dapat dikategorikan sebagai kata ganti nama diri pertama (KGND1), kata ganti nama diri kedua (KGND2) dan kata ganti nama diri ketiga (KGND3).

Terdapat beberapa penggunaan leksikal dalam subdialek UB bagi merujuk kepada ketiga-tiga jenis KGND tersebut. Selain itu penggunaan setiap leksikal yang merujuk kepada KGND dalam subdialek UB turut mempunyai perbezaan. Secara tidak langsung, pengkaji cuba membuktikan bahawa kajian yang meneliti penggunaan sebenar KGND dalam rutin kehidupan penuturnya akan mampu menyerlahkan dapatan yang lebih realistik (lihat juga, Nor Hashimah 1995). Pemerian terhadap aspek penggunaan leksikal KGND dalam subdialek UB akan menyerlahkan ciri varian dialek ini dengan lebih mendalam.

Secara umumnya kajian ini mendapati bahawa penggunaan leksikal KGND dalam subdialek UB adalah tidak banyak dan cukup terhad bilangannya. Jadual 1 menunjukkan KGND yang terdapat dalam subdialek UB dengan menyeluruh.

Berdasarkan Jadual 2 di atas, penutur natif subdialek UB mempunyai sebanyak tujuh kata ganti nama diri (KGND). Tujuh KGND ini pula dibahagikan kepada tiga jenis iaitu tiga kata tergolong dalam KGND1, satu KGND2 dan dua KGND3. KGND1 dapat dibahagikan kepada tiga jenis bentuk iaitu KGND *aku*, *saya* dan *kita*. Kata *aku* dan *saya* adalah penanda KGND yang mewakili satu orang manakala kata *kita* merujuk kepada penanda KGND yang mewakili jamak.

JADUAL 2. Kata Ganti Nama Diri (KGND) Subdialek Ulu Berang

KGND1	KGND2	KGND3
Aku [akəʔ]	Kamu [məŋ]	Dia [dije]
Saya [saje]	Kamu semua [mumi]	Mereka [dimi]
Kita [kite]		

Dalam subdialek UB satu leksikal digunakan untuk merujuk KGND *aku* iaitu [akəʔ] 'akek'. Bagi KGND *saya* pula terdapat satu leksikal yang digunakan iaitu 'saye' atau disebut sebagai [saje].

Manakala KGND *kita* mewakili leksikal iaitu 'kite' atau berbunyi [kite] dalam subdialek UB. Lazimnya penggunaan leksikal [akəʔ] digunakan apabila seseorang itu mempunyai hubungan rapat

dengan orang kampung. Sebaliknya penggunaan leksikal [sajɛ] digunakan untuk orang luar dan tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan orang yang dibuahkan. Leksikal [kite] sering disebut dan digunakan sebagai penanda jamak yang mewakili lebih dari satu orang.

Bagi KGND2 hanya dibahagikan kepada satu penggunaan leksikal sahaja iaitu *kamu*. Leksikal *awak* dalam bahasa Melayu tidak digunakan dalam subdialek UB. Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap perbualan masyarakat kampung Payang Kayu dan Baong, kebanyakan mereka menggunakan leksikal KGND2 iaitu [məŋ] ‘meng’ yang merujuk KGND2 *kamu*. Leksikal ini agak menarik kerana berbeza dengan penggunaan leksikal ‘mung’ atau [muŋ] yang dituturkan oleh orang kampung di daerah Kuala Terengganu. Bagaimanapun dalam tidak seperti pertuturan di daerah Kuala Terengganu, subdialek UB menggunakan leksikal [mumi] yang merujuk kepada rujukan KGND2 iaitu *kamu semua*. Leksikal ini sangat menarik untuk dijelaskan dengan lebih mendalam.

Selain itu, penggunaan KGND3 dilihat mempunyai dua pembahagian iaitu pembahagian untuk leksikal *dia* dan leksikal *mereka*. Dalam subdialek UB leksikal KGND3 *dia* sering disebut sebagai [dije] yang melambangkan KGND3 satu orang. Manakala leksikal *mereka* akan disebut sebagai [dimi] dalam subdialek berkenaan. Leksikal [dimi] merujuk KGND3 jamak.

Oleh hal demikian dapatlah diringkaskan di sini bahawa kewujudan leksikal KGND dalam subdialek UB adalah pelbagai dan istimewa. Keistimewaan ini jelas digunakan oleh masyarakat kampung Payang

Kayu dan Baong dalam perbualan mereka. Walaupun tidak begitu banyak KGND dalam perbualan mereka namun kewujudan leksikal ini sangat memberi peranan penting terhadap kelengkapan interaksi mereka sesama mereka. Justeru perbincangan tentang penggunaan KGND dalam subdialek UB akan dipaparkan dengan lebih lanjut dalam perbincangan di bawah.

PENGUNAAN KGND SUBDIALEK ULU BERANG

Setiap interaksi sangat memerlukan leksikal KGND untuk melambangkan diri seseorang manusia. Seperti yang sedia maklum, walaupun penggunaan KGND tidak begitu banyak seperti dalam Bahasa Melayu, namun penggunaan KGND amat menyerlah dan mempunyai kepentingan dalam subdialek UB ini. Maka bahagian ini akan membincangkan tentang penggunaan KGND yang terdapat dalam subdialek Ulu Berang dengan lebih terperinci dan jelas. Berikut merupakan penerangan mengenai KGND1, KGND2 dan KGND3:

KGND PERTAMA DALAM AYAT

Kata Ganti Nama Diri Pertama (KGND1) iaitu leksikal *aku*, [akəʔ] digunakan bagi merujuk kepada orang yang pertama. Begitu juga dengan leksikal *saya* yang bervariasi dengan leksikal [sajɛ]. Di sini pengkaji akan menunjukkan contoh ayat yang mana leksikal [akəʔ] dan [sajɛ] digunakan sebagai subjek, milik dan objek. Beberapa bukti dijelaskan melalui data transkripsi di bawah:

a. Aku

JADUAL 3. Kata Ganti Nama Diri Pertama ‘Aku’.

Subdialek Ulu Berang	Bahasa Melayu
akəʔ gi kapuʷŋ uləʔ aku pergi kampung hulu	Aku pergi ke kampung di hulu sungai.
nami akəʔ Rahe kaʔ kapuʷŋ neɪ nama aku Rahe kat kampung ni	Nama aku Rahe dekat kampung ini.
mayi dataŋ uməh akəʔ mari datang rumah aku	Mari datang rumah aku.

b. Saya

JADUAL 4. Kata Ganti Nama Diri Pertama ‘Saya’.

Subdialek Ulu Berang	Bahasa Melayu
sajɛ dɔʔ sinɪ lamɛ dɔh saya duduk sini lama dah	Saya duduk sini lama sudah.
anɔʔ sajɛ kəɖʒə luwɔ anak saya kerja luar	Anak saya kerja luar.
bəlakaŋ tuʔ kebəŋ sajɛ belakang tu kebun saya	Belakang itu kebun saya.

Berdasarkan data di atas, didapati KGND [akəʔ] boleh berfungsi sebagai subjek dalam ayat (1a), objek dalam ayat (2a) dan pemilik dalam ayat (3a). Leksikal [akəʔ] dapat dibuktikan melalui kewujudan KGND tersebut pada posisi sebelum kata kerja ‘pergi’ iaitu sebagai subjek ayat dalam (1a). Selepas kata kerja ‘datang’, leksikal [akəʔ] akan menjadi status objek dalam ayat (3a). Manakala selepas kata nama ‘nama’, KGND1 iaitu [akəʔ] akan berfungsi sebagai pemilik. Sama seperti leksikal aku, leksikal KGND [sajɛ] juga boleh berfungsi sebagai subjek (2a),

pemilik (2b) dan objek (3b). Bagaimanapun leksikal [sajɛ] jarang digunakan dalam subdialek UB kerana penggunaan leksikal ini hanya digunakan apabila seseorang itu berkomunikasi dengan orang luar dan tiada hubungan erat dengan orang tersebut.

Bagi leksikal KGND1 (jamak) *kita* juga tidak mempunyai perbezaan dengan leksikal *aku* dan *saya*. Leksikal *kita* selalu digunakan sebagai penanda diri pertama jamak dalam subdialek UB. Lihat data Jadual 5 di bawah:

c. Kita

JADUAL 5. Kata Ganti Nama Diri Pertama ‘Kita’

Subdialek Ulu Berang	Bahasa Melayu
kite tanaŋ pukɔʔ ubeʔ kita tanam pokok ubi	Kita tanam pokok ubi.
anɔʔ kite dɔh bəso anak kita sudah besar	Anak kita sudah besar.
dije mayi umɔh kite dia mari rumah kita	Dia mari rumah kita.

Data di atas menunjukkan bahawa leksikal KGND1 [kite] boleh hadir pada posisi subjek dalam ayat (1c), pemilik dalam ayat (2c) dan objek dalam ayat (3c). Leksikal KGND1 [kite] sering digunakan dalam subdialek UB untuk merujuk penanda diri yang bersifat jamak. Dalam Bahasa Melayu, KGND1 seperti *kami* tidak digunakan sama sekali dalam subdialek ini. Kebanyakan orang-orang kampung Payang Kayu dan Baong lebih selesa dan biasa menggunakan leksikal KGND1 jamak [kite] yang merujuk kepada leksikal *kita*.

KGND KEDUA

Selain itu KGND2 iaitu *kamu* atau *mu* mempunyai satu leksikal sahaja iaitu disebut sebagai [məŋ]. Secara umumnya subdialek Ulu Berang ini menggunakan leksikal [məŋ] ‘meng’ dalam apa-apa perbualan mereka. Leksikal KGND2 [məŋ] yang dituturkan di hulu mukim Kuala Berang mempunyai perbezaan dengan leksikal yang digunakan di daerah Kuala Terengganu iaitu [muŋ]. Keistimewaan dan keunikan leksikal bagi KGND2 ini akan dipaparkan di bawah.

d. Kamu

JADUAL 6. Kata Ganti Nama Diri Kedua ‘Kamu’

Subdialek Ulu Berang	Bahasa Melayu
məŋ nɔʔ gi kapu ^w ŋ basəŋ kamu nak pergi kampung Basong	Kamu hendak pergi ke kampung Basong.
kawaŋ məŋ nɔʔ kuwani kawan kamu hendak ke mana	Kawan kamu hendak ke mana.
dije datan umoh məŋ dia datang rumah kamu	Dia datang rumah kamu.

Berdasarkan data di atas, didapati bahawa KGND2 *kamu* atau *mu* akan disebut sebagai [məŋ] ‘meng’ dalam subdialek UB. Leksikal ini boleh hadir sebagai subjek dalam ayat (1d), pemilik dalam ayat (2d) dan objek dalam ayat (3d). Kebanyakan orang-orang kampung Payang Kayu dan Baong tidak membiasakan diri mereka untuk

menggunakan leksikal KGND2 yang lain seperti dalam Bahasa Melayu misalnya leksikal *awak* dan *engkau*. Bagaimanapun bagi leksikal KGND2 yang merujuk lebih dari seorang iaitu *kamu semua* akan direpresentasikan sebagai [mumi]. Lihat contoh data bagi KGND2 tersebut di bawah.

e. Kamu semua

JADUAL 7. Kata Ganti Nama Diri Kedua ‘Kamu semua’.

Subdialek Ulu Berang	Bahasa Melayu
mumi nɔʔ gi kuwani kamu semua nak pergi ke mana	Kamu semua hendak pergi ke mana.
kawaŋ mumi waʔ ape kawan kamu semua buat apa	Kawan kamu semua buat apa.
mani kawaŋ mumi mana kawan kamu semua	Di mana kawan kamu semua.

Data di atas memaparkan KGND2 bagi leksikal kamu semua iaitu [mumi] boleh hadir sebagai subjek dalam ayat (1e), pemilik dalam ayat (2e) dan objek dalam ayat (3e). Leksikal ini jelas digunakan untuk merujuk KGND2 yang lebih daripada satu orang. Boleh dikatakan sebagai KGND2 iaitu [mumi] adalah bersifat jamak.

KGND KETIGA

Dalam subdialek Ulu Berang, kata ganti nama diri ketiga (KGND3) iaitu *dia* dan *mereka* terdapat satu leksikal yang mewakili kedua-dua leksikal tersebut.

Bagi leksikal KGND3 *dia* disebut sebagai [dije] ‘diye’ yang melibatkan diri orang ketiga yang termasuk dalam sesuatu perbualan di antara orang pertama dan kedua. Begitu juga dengan leksikal *mereka* dalam Bahasa Melayu mengalami penggunaan leksikal yang agak berbeza dan menjadi kebiasaan oleh orang-orang kampung Payang Kayu dan Baong. Kebanyakan penutur natif menggunakan leksikal KGND3 [dimi] ‘dimi’ yang merujuk KGND3 *mereka* (jamak). Keistimewaan dan keunikan bagi kedua-dua leksikal ini dapat diserlahkan melalui jadual data berikut:

f. Dia

JADUAL 8. Kata Ganti Nama Diri Ketiga ‘Dia’

Subdialek Ulu Berang	Bahasa Melayu
dije nɔʔ makaŋ ɣəbɔŋ neɪ dia nak makan rebung ni	Dia hendak makan rebung ini.
tɔʔ dije hɔʔ waʔ mɔnde neɪ tok dia yang buat benda ni	Datuk dia yang buat benda ini.
uyaŋ kapuʷŋ dije orang kampung dia	Orang kampung dia.

g. Mereka

JADUAL 9. Kata Ganti Nama Diri Ketiga ‘Mereka’.

Subdialek Ulu Berang	Bahasa Melayu
dimi nɔʔ makaŋ ape mereka nak makan apa	Mereka hendak makan apa.
takɔʔ dimi dɔʔ pahaŋ takut mereka tidak faham	Takut mereka tidak faham.
hɔʔ tu kapuʷŋ dimi yang itu kampung mereka	Yang itu kampung mereka.

Bagi leksikal KGND3 iaitu leksikal [dije] dan [dimi] menunjukkan bahawa kedua-dua leksikal ini boleh hadir pada semua posisi subjek dalam ayat (f1 dan g1), pemilik dalam ayat (f2 dan g2) dan objek dalam ayat (f3 dan g3). Penggunaan leksikal ini telah menghasilkan ayat-ayat yang gramatis bergantung terhadap konteks penggunaan leksikal berkenaan dalam ayat.

Berdasarkan analisis leksikal KGND3 [dije] adalah merujuk kepada seseorang individu sahaja. Manakala analisis leksikal KGND3 [dimi] membuktikan bahawa ayat yang dihasilkan dengan menyelitkan leksikal berkenaan adalah

merujuk kepada beberapa orang individu atau berstatus jamak. Hasil penelitian pengkaji terhadap penggunaan leksikal KGND3 dalam subdialek UB ini jelas mendapati bahawa kedua-dua leksikal subdialek ini telah mewujudkan keistimewaan dan keunikan yang tersendiri dan dipercayai mempunyai perbezaan dengan KGND3 yang digunakan oleh masyarakat di hilir Lembangan Sungai Terengganu iaitu daerah Kuala Terengganu. Bagi memudahkan untuk memahami penggunaan KGND dalam subdialek UB, jadual kehadiran KGND tersebut akan dipaparkan dalam Jadual 10:

JADUAL 10. Kehadiran KGND subdialek Ulu Berang mengikut posisi dalam ayat

Jenis Kata Ganti Nama Diri	Kata Nama	Ganti Diri (KGND)	Subjek	Objek	Pemilik
Pertama	Aku	[akəʔ]	/	/	/
	Saya	[saje]	/	/	/
	Kita	[kite]	/	/	/
Kedua	Kamu	[məŋ]	/	/	/
	Kamu semua	[mumi]	/	/	/
Ketiga	Dia	[dije]	/	/	/
	Mereka	[dimi]	/	/	/

KESIMPULAN

Persebaran manusia dari hilir ke hulu demi pelbagai aktiviti sosial, ekonomi dan penempatan baru menyebabkan berlakunya persebaran variasi-variasi dialektal sepanjang sungai khususnya aspek leksikal. Unsur inilah yang masih belum diteliti secara tuntas. Menurut Kugler et al. (2009), variasi bahasa merupakan perubahan yang melekat atau yang menjadi sifat bahasa, dan perubahan tersebut dapat dijelaskan dengan menggunakan pendekatan secara dialektal. Tegasnya, penelitian persebaran variasi-variasi bahasa khususnya aspek leksikal yang diperlihatkan dalam pertuturan penutur Melayu di lembangan sungai amat perlu diberi perhatian bagi menyerlahkan sifat bahasa Melayu itu sendiri. Kajian ini berhipotesis bahawa ciri geografi lembangan sungai menjadi asas kevariasian bahasa yang dituturkan dan ciri-ciri ini mampu memeta dan membentuk jaringan dialektal Melayu lembangan sungai.

Berdasarkan kajian kata ganti nama diri (KGND) ini, terdapat sebanyak tujuh leksikal KGND yang digunakan dalam subdialek Ulu Berang ini iaitu penggunaan KGND1 (seperti [akəʔ] [saje] dan [kite]), KGND2 (seperti [məŋ] dan [mumi]) dan KGND3 (seperti [dije] dan [dimi]). Bagi leksikal KGND1 [akəʔ] sering digunakan untuk merujuk seseorang individu berbanding leksikal [saje]. Hal ini demikian kerana leksikal [saje] digunakan oleh orang-orang Melayu di kampung Payang Kayu dan Baong apabila mereka bertemu dengan orang di luar kawasan kampung mereka. Penggunaan leksikal [akəʔ] dianggap mempunyai hubungan yang selesa dan akrab sesama mereka. Leksikal [kite] pula sering digunakan dalam setiap perbualan mereka. Leksikal KGND1 [kite] berfungsi sebagai penanda yang menunjukkan jamak atau mewakili lebih dari seorang individu yang dirujuk.

Bagi leksikal KGND2 *kamu* dan *kamu semua* dalam Bahasa Melayu akan disebut sebagai leksikal [məŋ] dan [mumi] dalam subdialek UB. Kedua-dua leksikal KGND2 ini menunjukkan satu lagi keistimewaan dan keunikan yang terdapat dalam subdialek berkenaan. Berbeza dengan penggunaan leksikal [muŋ] dalam subdialek Kuala Terengganu, penggunaan KGND2 [məŋ] dalam subdialek UB sangat memberi satu hasil bukti yang menarik perhatian pengkaji mahupun umum. Secara umumnya leksikal KGND2 [məŋ] digunakan untuk merujuk individu orang kedua. Selain itu leksikal [mumi] juga merujuk kepada jamak atau individu

yang lebih daripada satu orang. Leksikal KGND2 [mumi] merupakan satu kelainan dan keunikan yang dapat diserlahkan dari aspek pengetahuan deskriptif tentang sistem KGND yang digunakan dalam subdialek UB. Sementara itu leksikal KGND3 iaitu *dia* dan *mereka* dirujuk sebagai [dije] dan [dimi] dalam subdialek UB. Leksikal [dije] digunakan untuk merujuk orang ketiga secara individu manakala leksikal [dimi] dituju kepada orang ketiga secara jamak atau lebih dari seorang individu itu. Leksikal KGND3 [dimi] sangat menarik perhatian kerana berbeza dengan varian yang dituturkan di daerah Kuala Terengganu.

Ketiga-tiga leksikal KGND dalam subdialek UB memaparkan penggunaan leksikal-leksikal tersebut boleh menghadiri ketiga-tiga posisi dalam ayat. Kedudukan leksikal KGND dalam subdialek UB adalah berlaku sebagai subjek (di permulaan ayat), objek (di akhir ayat) dan pemilik (di posisi tengah). Selain itu corak penggunaan KGND dalam ayat perbualan mereka menunjukkan bahawa penggunaan leksikal-leksikal tersebut tidak menjejaskan kegramatisan ayat yang dikeluarkan dan ayat berkenaan boleh difahami umum.

Kesimpulannya kesemua perbincangan ini merupakan antara keistimewaan dan keunikan yang terdapat dalam subdialek UB. Walaupun pertuturan subdialek ini merupakan antara cebisan varian dialek Melayu Terengganu yang terdapat di negeri Terengganu terutamanya di Hulu Terengganu, namun penelitian subdialek UB sangat tidak merugikan para pengkaji dan masyarakat. Implikasi utamanya kepada masyarakat di Malaysia adalah dalam bentuk pendedahan terhadap fenomena kebahasaan yang wujud dalam subdialek ini. Penelitian kebahasaan bukan sahaja dilihat dari aspek perubahan bunyi yakni fonologi, akan tetapi penelitian dari aspek leksikal juga memberikan satu dapatan yang jelas dan menarik untuk dibincangkan secara tuntas. Dengan adanya maklumat tentang kajian leksikal ini maka kajian ini sedikit sebanyak memberi implikasi terhadap penambahan kosa ilmu negara terutamanya dalam bidang kajian dialektologi Melayu sama ada dari aspek leksikal atau sintaksis dalam ayat sesuatu dialek yang dikaji. Selain itu diharapkan juga agar kajian ini dapat memberi implikasi dalam bidang pendokumentasian. Hal ini demikian kerana dengan adanya kajian lanjutan mengenai leksikal dalam subdialek UB dan pendokumentasian juga dilakukan maka kebarangkalian bahawa subdialek ini dilupakan oleh masyarakat umum adalah sangat jauh. Bahkan kajian ini akan tetap diteruskan

bagi memelihara dan melindungi subdialek ini dari diabaikan oleh generasi pada masa akan datang. Pengkaji juga mengharapkan agar kajian ini dapat dilanjutkan lagi di masa akan datang dengan pengaplikasian teknologi terkini seperti GIS. Penerokaan leksikal Dialek Melayu mampu diperhebat lagi dengan berbantuan GIS sepertimana yang dibuktikan menerusi kajian Siti Noraini & Nor Hashimah (2018) yang meneliti variasi leksikal dialek Perak.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia atas dana penyelidikan GGP-2017-002.

RUJUKAN

- Abdul Halim Nasir. 2005. *Lembangan Sungai dalam Peradaban Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Hamid Mahmood. 1990. Dialek Terengganu: Satu Tinjauan Ringkas. *Jurnal Dewan Bahasa Mac*: 217-225.
- Ajid Che Kob. 1997. Word Final Nasal in Malay Dialects. *Proceedings of Seventh International Conference on Austronesian*. 35-43
- Alias Mahpol, Kamaruzaman Mahayiddin & Nor Ein Mohd. Noor. 1992. *Bahasa*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1976. *Kepelbagaian Fonologi Dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, C. C. 1935. Terengganu Malay. *JMBRAS* 13(3): 1-111.
- Chambers, J. K. & Trudgill, P. 1998. *Dialectology*. England: Cambridge University Press.
- Collins, J. T. 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harimurti Kridalaksana. 1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hervey, D. F. A. 1881. The Endau and its Tributaries. *JMBRAS*: 93-130.
- Ismail Hussein. 1973. Malay Dialects in Peninsular. *Nusantara* 3: 69-79.
- Kungler, Frank., Caroline Fery & Ruben Van De Vijver. 2009. *Variation and Gradience in Phonetics and Phonology*. Berlin: Mouton De Gruyter.
- McKerron, P. 1931. A Terengganu Vocabulary. *JMBRAS*.
- Muhammad Salleh. 1978. *Terengganu dari Bentuk Sejarah hingga Tahun 1918M (1337)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mumad Chelaeh, Rahim Aman, Shahidi A. Hamid, Nazihah Najwa Othaman, Suhailah Ruslan, Nooraniza Abu Bakar, Rusydiah A. Salam, Fatin Hakimah M. Fadzil & Miss Deela Sinur. 2017. Penerokaan maklumat linguistik dalam dialek Melayu Jugra: penelitian fonologi struktural. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 12(3): 1-29.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2008. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor, & Normaliza Abd Rahim. 2013. Dialek Melayu Terengganu: pendokumentasian dan pengekalan warisan variasi bahasa tempatan. *Jurnal Melayu* 10: 21-35.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi dan Maslida Yusof. 2002. Kata panggilan dalam masyarakat Melayu: Analisis sosiolinguistik dan pragmatik. *Jurnal Bahasa* 2(2): 224-257.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 1995. Fungsi dan pola ganti nama Melayu: satu interpretasi semantik dan pragmatik. *Akademika* 47(Julai): 85-99.
- Noraien Mansor, Noor Rohana Mansor & Normaliza Abd Rahim. 2013. *Dialek Melayu Terengganu Pesisir Pantai*. Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu.
- Nur Adibah Hasan & Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2017. Struktur suku kata terbitan dialek Terengganu. *Akademika* 87(1): 165-175.
- Shahidi A.H., Mohamad Firdaus Azaharuddin & Rahim Aman. 2018. Fonologi dan Leksikal Subdialek Kuala Terengganu. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Linguistik (PALING) 2018*, hlm. 173-179.
- Shahidi A. H., Rahim Aman, Ab. Samad Kechot & Sharhaniza Othman. 2016. Penerokaan bentuk keterikatan Melayu melalui ragam bahasa: Perbandingan fonologi Melayu Sadong Sarawak dengan Melayu Semenanjung. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 12(11): 103-122.
- Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. Kepelbagaian varian leksikal dialek di Perak: pendekatan Geographical Information System. *Akademika*. 88(1): 137-152.
- Sturrock, A. J. 1912. Some notes on the Kelantan dialect and some comparisons with the dialects of Perak and Central Pahang. *JMBRAS* 62: 1-7.
- Zulkifley Hamid & Naidatul Zamrizam Abu. 2017. Penggunaan kata ganti nama diri dalam kalangan murid pelbagai etnik. Dlm. *Kesinambungan Linguistik Melayu*, disunting oleh Shahidi A. Hamid, Kartini Abd. Wahab & Sa'adiah Ma'alip. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shahidi A.H. (corresponding author)
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: zedic@ukm.edu.my

Mohamad Firdaus Azaharuddin
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: zedic@ukm.edu.my

Rahim Aman
Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor
Malaysia
E-mail: tuntas@ukm.edu.my

Received: 10 November 2018

Accepted: 27 Febuari 2019

